

Mangsa H1N1 AS cecah 1,000



AP

ROBOT (baring) direka cipta untuk membantu doktor mengesan jangkitan selesema babi dipamerkan di Tokyo, Khamis lalu.

ATLANTA: Kematian akibat selesema babi di Amerika Syarikat mencecah 1,000 orang dengan 100 daripadanya adalah kanak-kanak, kata Pusat Kawalan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat (AS).

'Beberapa juta' rakyat Amerika dianggar sudah mengidap virus H1N1 itu, kata Pengarah CDC Dr Thomas Frieden pada sidang akhbar di sini kelmarin.

AS, katanya, tidak mempunyai angka tepat jangkitan berikutan kerajaan negara itu tidak menguji semua yang disyaki untuk mengesahkan jangkitan.

Frieden berkata pihaknya menganggarkan lebih daripada 20,000 rakyat Amerika dimasukkan ke hospital kerana mengidap selesema babi.

Menurut CDC, hampir semua negeri di AS kini didapati mempunyai jangkitan selesema yang

meluas, kecuali Connecticut, Hawaii, New Jersey dan Carolina Selatan.

Sementara itu rancangan Washington menyuntik vaksin anti H1N1 kepada sekurang-kurangnya 120 juta rakyatnya, tergendala apabila bekalan vaksin itu tidak mencukupi.

Sehingga Rabu lalu, hanya 11 juta dos vaksin berkenaan diterima jabatan kesihatan, klinik dan kemudahan kesihatan lain, kata CDC.

"Keadaan ini menghampakan kerana kami perlu lebih banyak bekalan vaksin," kata Frieden.

Bagi mengeluarkan vaksin itu virus H1N1 perlu dibiak dalam telur ayam di makmal. "Namun proses ini tidak mengeluarkan hasil setinggi yang dijangkakan," kata seorang pegawai CDC menjelaskan punca kelewatan pengeluaran vaksin. - AP